

30 NOV 1999

Mahathir-Terima

MAHATHIR TERIMA KEKALAHAN BN DI KELANTAN DAN TERENGGANU

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau sedia menerima kekalahan Barisan Nasional di Kelantan dan Terengganu pada pilihan raya ini tetapi berkata ia disebabkan taktik menakut-nakutkan orang Islam oleh PAS dan mungkin juga dengan bantuan mereka yang bekerja dengan agensi kerajaan.

Perdana Menteri berkata: "Malangnya kita telah kehilangan dua negeri... tetapi kita terima hakikat itu kerana ini negara demaokrasi dan dalam pilihan raya kemungkinan untuk kalah itu adalah sama besarnya dengan kemungkinan untuk menang.

"Jadi kita terima hakikat bahawa kita telah kehilangan Kelantan dan Terengganu," kata beliau dengan disambut teriakan "ini pilihan raya bebas" daripada pekerja dan penyokong parti pada persidangan berita yang penuh sesak di bangunan UMNO di sini yang dihadiri wartawan dalam dan luar negara.

Beliau berkata kejatuhan dua negeri pantai timur itu tidak bermakna BN kalah di negara Melayu kerana ada negeri-negeri Melayu lain yang BN menang besar.

"Kita kalah di Terengganu kerana PAS mempunyai usaha untuk menakutkan rakyat dan jaminan mereka bahawa orang yang mengundi PAS boleh ke syurga telah dapat mempengaruhi sesetengah orang, ada juga orang-orang yang bekerja dengan agensi kerajaan (membantu mereka)."

Dr Mahathir berkata Barisan Nasional juga ingin mengetahui mengapa di tempat tertentu permintaan untuk mengira semula ditolak oleh pihak pegawai.

"Kita dapati ada kesilapan cetak pada sesetengah kertas undi pos, dan apabila dipangkah BN ia tidak dikira sah tetapi bila pengundi pangkah PAS, ia dikira sah.

"Kita sedang mengkaji perkara ini. Kita akan selidik dan kita akan buat aduan jika akda asas," katanya.

Beliau berkata: "Mungkin ada sebab-sebab lain yang kita kalah di Kelantan dan di Terengganu dan kita akan mengadakan post mortem."

Perdana Menteri berkata BN akan memenangi semula kedua-dua negeri itu pada pilihan raya umum akan datang.

Kepada soalan mengenai perdamaian semula antara mereka yang terlibat dalam pilihan raya itu termasuk musuh-musuh politik, Dr Mahathir berkata walaupun pilihan raya adalah bagi menubuhkan kersjaan ia tidak bermaksud untuk bergaduh dengan orang lain.

"Kita boleh bekerja dengan parti-parti pembangkang di luar politik. Daripada segi politik kita tidak bersetuju dengan mereka, tetapi ada bidang lain yang kita boleh bersetuju dengan mereka."

Bagaimanapun katanya apa yang sangat membimbangkan ialah parti-parti politik terutama PAS mungkin mahu meneruskan permusuhan politik itu termdap BN sehingga pilihan raya akan datang.

Ini kerana mereka tahu bahawa jika mereka merapati BN mereka akan hilang penyokong mereka, katanya.

Ketika ditanya mengenai bantuan kerajaan pusat kepada kedua-dua negeri berkenaan, beliau berkata: "Bantuan banyak mana kita nak bagi kita akan kajilah."

Mengenai kehilangan kerusi di Kedah, beliau berkata, "sesetengahnya kita kalah dan sesetengahnya kita menang."

Dr Mahathir berkata Menteri Besar Sanusi Junid sendiri memberitahunya "kekalahan itu kecil sahaja tetapi dia kata itu bukan alasannya."

Mengenai soal kehilangan beberapa personaliti di kalangan BN, beliau berkata, "demikian juga dengan parti lawan, mereka juga hilang Kit Siang dan Karpal Singh tetapi kita tak hilang jaguh-jaguh kita... saya menang."

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula berkata, "dalam pilihan raya ada masanya kita menang dan ada masanya orang lain menang... inilah membuktikan pilihan raya yang diadakan di sini adalah pilihan raya demokratik yang bebas dan adil."

Mengenai kekalahan BN di kedua-dua negeri pantai timur itu, kata beliau; "Ia adalah keputusan rakyat dan kita menghormati keputusan mereka."

Beliau berkata dalam pilihan raya kali ini "parti Keadilan tidak ada impak... sebenarnya PAS telah menunjukkan impak."

Beliau juga berkata majoriti senyap telah memperdengarkan suara mereka kali ini dan telah memberi sumbangan kepada kemenangan BN.

Mengenai kekurangan majoriti kemenangan di beberapa kawasan, beliau tidak dapat memastikan sekarang sama ada ia tanda protes atau tidak, tetapi dalam pilihan raya perkara seperti itu akan berlaku.

-- BERNAMA

TM NMO